

**NO. SOALAN : 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA**

**TARIKH : 5 SEPTEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN : 9**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pelaksanaan harga tiket kapal terbang yang terkawal terutamanya di musim perayaan akan dimulakan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah memuktamadkan kajian penetapan harga tiket penerbangan domestik di Malaysia. Laporan kajian telah dikemukakan kepada pihak Kementerian Pengangkutan pada 30 Julai 2018. Antara dapatan kajian MAVCOM adalah seperti berikut:

- (i) secara umumnya, purata harga tiket penerbangan domestik di Malaysia telah mengalami *trend* penurunan bagi tempoh antara Januari 2011 dan April 2018, serta trend tersebut adalah berbeza-beza mengikut laluan dan syarikat penerbangan;
- (ii) harga tiket penerbangan telah mencatatkan peningkatan lebih daripada 3 kali ganda tambang purata antara 2016 dan 2017 khususnya semasa perayaan Tahun Baru Cina yang merangkumi laluan-laluan di Semenanjung Malaysia serta laluan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak serta laluan di antara Sabah dan Sarawak. Dalam kebanyakan kes, peningkatan harga tiket penerbangan direkodkan untuk tempoh satu hingga empat hari waktu puncak. Ini adalah disebabkan oleh permintaan yang melonjak berbanding bekalan perkhidmatan yang berada pada paras yang sama;
- (iii) trend harga tiket penerbangan pada waktu puncak di Malaysia adalah hampir sama dengan negara-negara

lain seperti Indonesia, Thailand, Filipina, dan Amerika Syarikat. Ini adalah kesan daripada prinsip harga dinamik yang diamalkan oleh syarikat penerbangan di seluruh dunia, yang mana tiket penerbangan dikategorikan mengikut *buckets of flight seats*. Setiap *buckets of flight seats* diberikan bilangan tempat duduk tertentu yang mungkin berbeza mengikut permintaan. Semasa permintaan tinggi, syarikat penerbangan berkemungkinan akan mengurangkan harga tiket penerbangan bagi *buckets of flight seats* promosi.

- (iv) kebanyakan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam di negara-negara lain tidak mengawal harga tiket penerbangan bagi laluan antarabangsa atau domestik. Bagi negara-negara yang mengenakan peraturan penetapan harga tiket seperti di Indonesia, pengawalan harga telah menimbulkan implikasi negatif seperti peningkatan purata harga tiket penerbangan. Dalam situasi ini, syarikat penerbangan didapati telah mengambil kesempatan daripada harga siling tiket penerbangan yang ditetapkan oleh kerajaan untuk memaksimumkan keuntungan mereka walaupun semasa di luar waktu puncak. Justeru, sebarang cadangan untuk menetapkan harga siling adalah tidak digalakkan bagi tujuan mengelakkan manipulasi oleh syarikat-syarikat penerbangan.

Sehubungan itu, berdasarkan kajian tersebut, MAVCOM mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- (i) mewajibkan syarikat penerbangan membuat pemakluman berhubung harga tiket penerbangan semasa musim puncak khususnya pada musim perayaan yang seterusnya akan dilaporkan kepada Kerajaan; dan
- (ii) meningkatkan kapasiti / persaingan di laluan-laluan yang dimonopoli atau laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi atau laluan-laluan yang tidak mempunyai mod pengangkutan alternatif pada musim puncak dengan menggalakkan lebih banyak syarikat penerbangan berjadual atau *charter* untuk beroperasi.

Sehubungan dengan kajian dan syor MAVCOM tersebut itu, YB Menteri telah mengadakan satu mesyuarat dengan syarikat-syarikat penerbangan pada 4 September 2018 berhubung isu ini dan telah memutuskan seperti berikut:

- (i) sebagai langkah interim, Kerajaan tidak akan menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik bagi tujuan mengelakkan sebarang manipulasi oleh syarikat-syarikat penerbangan yang mana purata harga tiket akan menjadi lebih tinggi walaupun di luar musim perayaan sekiranya ia dilaksanakan;
- (ii) Kerajaan akan terus membenarkan harga tiket ditentukan oleh pasaran semasa (*market driven*) yang mana

syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi;

- (iii) Bagi mengurangkan kenaikan harga tambang sempena musim perayaan, Kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus bagi tempoh 7 hari sebelum musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Keamatan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi;
- (iv) Dalam hubungan ini, Kementerian akan turut mendapatkan kerjasama daripada operator lapangan terbang, syarikat pengendalian darat dan perkhidmatan ERL dan teksi untuk melanjutkan operasi di lapangan terbang yang berkaitan dalam tempoh 7 hari tersebut;
- (v) Orang ramai disaran untuk membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian disaat akhir; dan
- (vi) Pihak MAVCOM telah diminta untuk membuat pemantauan berhubung pengenaan kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat penerbangan dan meneliti impak

pelaksanaan kaedah interim ini. Sekiranya, kaedah ini tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga tambang sempena musim perayaan, pihak Kementerian akan mempertimbangkan semula cadangan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik.